

10 OCT 1997

BARISAN NASIONAL DAN UMNO PERAK SOKONG USAHA PERDANA MENTERI

IPOH, 10 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional dan Umno negeri hari ini menyatakan sokongan padu terhadap sebarang usaha yang dijalankan Perdana Menteri untuk memulih dan menstabilkan negara berikutan kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

Pengerusi badan perhubungan BN dan Umno negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata mereka yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai kebolehan untuk mengatasi masalah berdasarkan kejayaannya memimpin negara selama ini.

Kami membantah sekeras-kerasnya perbuatan yang tidak bertanggungjawab spekulator yang memanipulasi pasaran saham dan tindakan media asing menggugat kestabilan dan kedaulatan negara, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat kedua-dua badan perhubungan itu di sini hari ini.

Sementara itu Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata tohmahan media dan individu asing terhadap Dr Mahathir perlu dihentikan.

Untuk masa ini rakyat tidak sepatutnya panik dan menuding jari terhadap mana-mana pihak malah perlu bersatu menghadapi cabaran mendatang, katanya.

"Kita memerlukan Perdana Menteri untuk terus memimpin dan perlu memberitahu dunia bahawa beliau tidak boleh digoncang dan menunjukkan kepada mereka moral kita adalah tinggi dalam memperjuangkan kebebasan ekonomi," katanya. -- BERNAMA

HK RON